

29/10/2001

Umno nafi tawar wang kepada bekas ahli

Noorwati Salleh

KUANTAN, Ahad - Umno tidak pernah menawarkan wang kepada sesiapa, termasuk bekas ahli Umno yang juga ahli Parti Keadilan Nasional (Keadilan) untuk menyertai semula parti itu, kata Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob.

"Memang kita membuka pintu kepada ahli Keadilan untuk menyertai semula parti, tetapi tidak sampai untuk membeli mereka supaya berbuat demikian.

"Kita tidak akan berbuat begitu dan setakat ini saya tidak menerima sebarang laporan ke arah itu atau ada orang berbisik-bisik mencadangkan kita berbuat demikian.

"Apa yang penting, jika ingin menyertai semula Umno mereka mestilah ikhlas. Kita akan menerima mereka seperti kita lakukan kepada bekas ahli Parti Semangat 46 serta ahli parti lain di Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup jogathon anjuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Galing, di sini, hari ini.

Mengulas dakwaan Setiausaha Pergerakan Pemuda Keadilan, Muhd Zahid Md Arip bahawa beliau ditawarkan wang oleh pihak tertentu supaya meninggalkan Keadilan seperti disiarkan dalam New Sunday Times hari ini, beliau berkata kalau benar, Muhd Zahid boleh memberi maklumat mengenainya.

"Kalau dia menyatakan ada pihak tentu menawarkan wang supaya meninggalkan Keadilan, saya percaya, ia bukannya datang di kalangan Umno.

"Setakat ini, saya belum menerima sebarang laporan mengenai penggunaan wang oleh pihak tertentu untuk menarik ahli Keadilan menyertai semula Umno," katanya.

Beliau berkata dalam parti Keadilan ini, sejumlah besar adalah ahli Umno atau bekas ahli Umno dan tidak salah bagi mereka untuk kembali ke pangkuan Umno.

"Kita menerima ahli Semangat 46 menyertai Umno dengan baik dan layanan sama akan diberi kepada ahli Keadilan.

"Saya percaya ramai ahli Keadilan ingin kembali semula kepada Umno dan kita akan menerima mereka mengikut cara yang diamalkan sebelum ini, iaitu tanpa sebarang syarat," katanya.

Apabila ditanya sama ada Keadilan akan senasib dengan Semangat 46, Khalil berkata beliau tidak mahu membuat sebarang ramalan. Bagaimanapun, apa yang dapat dilihat parti itu tidak ada lagi ruang untuk perjuangankan, apa yang dikatakan nasib rakyat.

"Ini kerana pada pilihan raya di Sarawak dan pilihan raya kecil di Sabah, parti itu tidak lagi menjadi tumpuan pengundi," katanya.

Sementara itu beliau yang juga Menteri Penerangan ketika ditanya mengenai kenyataan Presiden Pas, Datuk Mohd Fadzil Noor dalam ceramahnya di Pokok Sena, Alor Star, malam kelmarin, Pas tidak akan menyerahkan memorandum mengenai konsep negara Islam yang sedang dirangkanya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jika parti itu tidak diberi peluang menjelaskannya di Parlimen dan disiarkan secara langsung menerusi televisyen beliau berkata:

"Kementerian Penerangan tidak nampak sebab kukuh bagi membolehkan pihaknya membuat liputan secara langsung menerusi televisyen, berhubung kehendak Pas itu."

Katanya, Perdana Menteri sendiri memilih satu forum pada perhimpunan Parti Gerakan untuk mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan ia mendapat liputan baik daripada media.

Berikutan itu, Pas boleh memilih cara sendiri untuk berbuat demikian kerana ia adalah program parti terbabit.

(END)